

26/03/2000

Tiga bahagian lagi tolak Ku Li

Nasir Hassan

KUALA LUMPUR: Umno Bahagian Kemaman, Besut dan Rantau Panjang menolak cubaan mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah bertanding jawatan Presiden dan Timbalan pada perhimpunan agung parti Mei ini.

Sebaliknya, Umno bahagian itu mengambil keputusan mencalonkan gandingan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Di KUALA TERENGGANU: Pengerusi Tetap Umno bahagian Kemaman, Datuk Ismail Said membenarkan pengundian secara sulit yang menyaksikan Dr Mahathir mendapat 204 undi, manakala Tengku Razaleigh hanya memperolehi 18 undi.

Di BESUT pula, percubaan perwakilan Umno bahagian itu untuk mencalonkan Tengku Razaleigh bagi jawatan Presiden gagal selepas tidak mendapat sokongan perwakilan.

Di RANTAU PANJANG: Mesyuarat agung perwakilan Umno bahagian itu berlangsung dalam suasana agak tegang di Sekolah Kebangsaan Lati, dekat sini, pagi semalam.

Cadangan pertama mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden itu dikemukakan oleh Ketua Umno bahagian berkenaan, Mohd Zain Ismail dan disokong oleh timbalannya, Mohd Daud Hamat.

Mohd Zain juga turut menyenaraikan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak; bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, sebagai Naib Presiden.

Cadangan kedua mencalonkan Perdana Menteri sebagai presiden dan Tengku Razaleigh sebagai Timbalan Presiden dan Naib Presiden dikemukakan oleh wakil Cawangan Bakong, Ariffin Hussein dan disokong oleh wakil Gual Sitok, Ghazali Ismail.

Selain mengemukakan nama Tengku Razaleigh, Ariffin juga turut menyenaraikan nama Najib dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad, sebagai Naib Presiden.

Seramai 495 perwakilan hadir pada mesyuarat itu.

Dalam keputusan pengiraan undi itu, cadangan pertama yang dikemukakan Mohd Zain mendapat 213 undi, manakala cadangan kedua oleh Ariffin mendapat 161 undi.

Suasana mesyuarat mula tegang apabila beberapa perwakilan membantah cadangan Ghazali supaya pengundian dijalankan secara angkat tangan.

Pengerusi tetap Che Alim Che Harun, atas nasihat wakil perhubungan negeri membuat keputusan supaya pengundian dijalankan dengan cara perwakilan yang menyokong mana-mana cadangan keluar dewan menerusi satu pintu bagi membolehkan urusetia membilang dengan teliti.

Umno Bahagian Kota Bharu yang diketuai Datuk Ahmad Rastom Ahmad Maher, bertindak sebagai mewakili Badan Perhubungan Umno negeri terpaksa campur tangan bagi meredakan keadaan itu.